

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR PEPERIKSAAN TESIS
PELAJAR MASTER
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN SAINS BIOMOLEKUL UPM**

(Diluluskan dalam Mesyuarat Fakulti ke-120, Bil. 2/2026)

1. Pemeriksa Luar yang dilantik bagi tesis Master perlu mempunyai sekurang-kurangnya 10 penerbitan terkini (dalam tempoh 10 tahun) yang signifikan dalam jurnal/buku dengan h-index sekurang-kurangnya 10, beserta CV berkualiti tinggi yang diperakui oleh ahli JKPSF.
2. Pemeriksa Luar yang dilantik untuk tesis Master hendaklah berjawatan sekurang-kurangnya Profesor Madya atau setara di universiti / institusi penyelidikan dalam atau luar negara; **ATAU**
3. Pemeriksa telah menggraduatkan sekurang-kurangnya: (a) dua (2) orang pelajar Master sebagai penyelia utama; atau (b) seorang (1) pelajar Master sebagai penyelia utama dan berpengalaman menjadi Pemeriksa Luar tesis Master di universiti lain.
4. Pemeriksa Luar tidak pernah menjalinkan kerjasama dengan pelajar dalam tempoh tiga (3) tahun yang boleh mewujudkan konflik kepentingan.
5. Kelayakan akademik dan bidang kepakaran calon Pemeriksa Luar hendaklah bersesuaian dengan bidang penyelidikan / tesis pelajar yang akan dinilai.
6. Calon Pemeriksa Luar hendaklah mengemukakan emel / surat persetujuan dilantik sebagai pemeriksa dan bersetuju menilai tesis dalam tempoh yang ditetapkan selepas tesis diterima.
7. Pensyarah yang tidak lagi berkhidmat dengan UPM dan meneruskan perkhidmatan di mana-mana universiti lain boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar selepas lima (5) tahun tempoh persaraan / tamat kontrak.
8. CV Pemeriksa Luar hendaklah disediakan mengikut format semasa yang ditetapkan oleh UPM.
9. Kadar bayaran honorarium Pemeriksa Luar tesis Master adalah tertakluk kepada kadar bayaran semasa yang diluluskan oleh Universiti.